

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS  
MERESMIKAN MUSABAQAH MEMBACA

AL-QURAN TAHUN 1398/1978

PERINGKAT KEBANGSAAN, DI STADIUM

MERDEKA, KUALA LUMPUR, PADA

HARI AHAD 20HB. OGOS, 1978

JAM 8.30 MALAM.

---

Assalamu Alaikum, Warahmatullahi  
Wabarakatuh,

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

1. Yang Berbahagia, Tan Sri Syed Nasir  
Ismail,  
Pengerusi Jawatankuasa Pusat, dan
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat,  
Musabaqah Membaca Al-Quran, Tahun  
Hijrah 1398 dan Tahun Masihi 1978.
3. Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana  
Menteri,  
Menteri-Menteri Besar dan Ketua-  
Ketua Menteri,
4. Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan  
Timbalan-Timbalan Menteri.
5. Tuan-tuan Yang Terutama,
6. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah

Subhanahu Wataala, kerana dengan taufiq dan hidayahNYA, serta limpah rahmatNYA, dapat kita mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran, bagi kali yang ke 20, pada tahun ini. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran, khususnya kepada Pengerusinya, Yang Berbahagia, Tan Sri Syed Nasir Ismail, di atas dayausaha, serta sumbangan tenaga dan

fikiran mereka, bagi menjayakan majlis  
pada malam ini, dan malam-malam berikutnya.

2. Pada tiap-tiap tahun dalam bulan  
Ramadhan, seluruh pemandangan ~~dunia~~  
~~khususnya~~ negara-negara Islam, tertumpu  
kepada negara kita. Mereka melihat kepada  
sambutan yang diberikan oleh rakyat sendiri,  
serta negara-negara jiran, ~~dan negara-negara~~  
~~Islam yang lain~~, terhadap Musabaqah Membaca  
Al-Quran yang kita anjurkan. Sesungguhnya,  
usaha yang telah kita jalankan selama

20 tahun ini, telah mengharumkan serta  
meningkatkan lagi, nama baik negara kita.  
 Ia merupakan satu-satunya langkah Kerajaan,  
 bagi meninggikan lagi syiar Islam, mengeratkan  
perpaduan umat Islam, terutama dikalangan  
 rakyat di tanah air kita sendiri, ~~khasnya~~,  
 dan umat Islam di negara-negara <sup>yang lain</sup> ~~Islam~~ amnya,  
~~serta di kalangan umat Islam negara-negara~~  
~~peserta yang lain.~~

3. Dalam hubungan ini, kita patutlah  
 memberi penghargaan dan pujian yang tinggi,

kepada Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman,  
di atas pandangan jauhnya, serta dayausahanya,  
menganjurkan Musabaqah ini, sehingga menyebabkan  
negara kita, menjadi lebih terkenal lagi di-  
dunia ini, terutama di kalangan negara-negara  
Islam. Kejayaan kita menganjurkan Musabaqah  
Peringkat Antarabangsa selama 19 tahun,  
sesungguhnya, menjadi satu kebanggaan  
kepada kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Tema musabaqah kita tahun ini, iaitu

"Nilai dan Disiplin Hidup, Menurut Al-Quran",

merupakan suatu lanjutan rangkaian tema-tema

yang pernah dipileh, bagi membangkitkan

kesedaran di kalangan rakyat Malaysia

yang beragama Islam, bahawa hidup mereka

patutlah berdasarkan kepada ajaran Al-Quran.

Isi kandungan Kitab Suci Allah ini, melahirkan

petunjuk dan panduan untuk *sekalian manusia* ~~semua makhluk,~~

dalam bidang rohaniah dan jasmaniah,

perseorangan atau kumpulan, tidak kira

bangsa dan keturunan. Al-Quran sentiasa

mengajar umat kepada kebaikan dan kebajikan,

serta menjauhi kejahatan dan pengkhianatan.

5. Bagi menyatukan sistem nilai hidup manusia yang berlainan, kepada suatu sistem nilai yang benar dan <sup>menyeluruh,</sup> ~~universal~~, maka Allah telah menurunkan Al-Quran, sebagai penunjuk ke jalan yang benar, seperti firmanNYA, dalam surah Al-Baqarah ayat 2 yang bermakna:

"Kitab Al-Quran ini, tidak ada keraguan padanya menjadi petunjuk, bagi mereka yang bertaqwa."

6. Sejarah telah membuktikan, bahawa Al-Quran telah berjaya meletakkan suatu sistem nilai yang baik dan terjamin, serta berjaya menyatukan masyarakat di masa itu, di bawah Kalimah Tauhid iaitu Laailaha-illallah - Muhammadar-Rasulullah. Kejayaan Al-Quran ini, merupakan kejayaan ugama Islam pada keseluruhannya, dalam meletakkan suatu sistem nilai yang secucuk dan sealian, dengan keupayaan manusia itu sendiri.

7. Isi kandungan Al-Quran, dari ayat-ayatnya yang berjumlah sebanyak 6,666, ~~ayat~~, meliputi antaranya asas-asas panduan akhlak, sistem pentadbiran negara, perekonomian, di samping panduan mengenai 'aqidah yang benar dan lohor. Sebagai panduan asas hidup berdisiplin, Al-Quran telah meletakkan peribadi Rasulullah Sallallahu-'alaihi-wasallam, sebagai contoh. Di dalam Al-Quran, ayat 21, surah Al-Ahzab, ALLAH berfirman seperti maksudnya yang

berbunyi:

"Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah itu, contoh tauladan yang baik bagi mu,  
yaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat ALLAH dan kedatangan Hari Qiamat, dan ia banyak menyebut Allah."

8. Dalam sepanjang hayatnya, Rasulullah Sallallahu-'alaihi-wasallam, telah menunjukkan budi pekerti yang terbaik, ketinggian

dan kemuliaan akhlaq, serta disiplin  
hidup berdasarkan Al-Quran. Firman  
 Allah, pada ayat 4, surah Al-Qalam yang  
 bermaksud:

"Dan sesungguhnya engkau,  
 yakni Muhammad, benar-benar  
berbudi pekerti yang agong."

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Al-Quran telah menggariskan beberapa  
 peraturan mengenai disiplin hidup bagi  
 individu, masyarakat dan bangsa, bagi

menjamin nilai hidup yang sempurna dan bahagia, serta bagi mengekalkan ketinggian dan kemuliaan darjat manusia.

10. Peraturan-peraturan yang tertentu juga dinyatakan dalam Al-Quran, supaya keamanan masyarakat dan kerukunan hidup, di kalangan <sup>manusia</sup> ~~mahluk~~, sentiasa terjamin dan terlaksana. Diantara asas kerukunan hidup masyarakat Islam, Al-Quran menentukan bahawa sesama orang Islam itu, adalah bersaudara, yang pasti hidup saling bantu membantu, bekerjasama, dan kasih mengasihi

antara satu sama lain. Al-Quran mencela sifat benci membenci, hina menghina di-  
kalangan umat Islam dan ~~mahlug~~<sup>manusia</sup> seluruhnya, serta mengarah mereka supaya berpegang teguh dengan agama Islam dan bersatu padu di bawah Agama Allah.

11. Bagi menjamin perhubungan yang baik dan mesra, serta mengekalkan perasaan muhibbah dan kasih sayang, Islam mewajibkan kepada golongan yang kaya dan kuat, membantu yang miskin dan lemah. Orang-orang

kaya diwajibkan mengeluarkan zakat, dan di-  
galakkan mereka bersedekah, berwakaf  
dan berderma. Melalui peraturan-peraturan  
inilah, maka masyarakat Islam yang di-  
sifatkan sebagai suatu umat yang dihormati  
dan disegani, dapat memberi contoh yang baik.  
Kesemuanya sifat-sifat mulia ini, ada  
di huraikan dalam Al-Quran dengan tujuan,  
supaya umat Islam mematuhinya, bagi menjamin  
mereka dapat kekal hidup, dalam aman,  
damai, makmur dan bahagia.

..... *setiap manusia*  
12. Sesungguhnya, jika ~~tiap-tiap makhluk~~  
di muka bumi ini, sama ada Islam atau  
bukan Islam, menjauhi diri dari melakukan  
sifat-sifat benci-membenci, hina-menghina,  
keji-mengkeji, khianat-mengkhianati, dan  
curiga-mencurigai, tetapi sebaliknya, hormat-  
menghormati antara satu sama lain, bantu-  
membantu, serta bekerjasama dalam semua  
lapangan, secara jujur, adil dan saksama,  
maka seluruh dunia akan tetap berada  
dalam aman damai, dan sekelian ~~makhluk~~ *umat*  
yang bermastautin di dalamnya, dapat kekal

hidup makmur dan bahagia. Saya menyeru  
umat Islam di tanah air, supaya berusaha  
bersungguh-sungguh, mewujudkan suasana ini  
di negara kita, ~~agar ia dapat dicontohi~~  
~~oleh negara-negara lain di dunia ini.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Kerajaan telah menjalankan berbagai  
usaha yang menasabah, lagi beresuaian  
dengan keadaan dan suasana penduduk berbilang  
bangsa di negara kita ini, bagi meningkatkan lagi

~~lagi~~ ekonomi umat Islam, serta meninggikan  
*shi-rgar*  
lagi syiar Islam, sejajar dengan kedu-  
dukannya sebagai ugama Resmi Negara.

Penubuhan Badan-badan Berkanun Kerajaan  
Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri,  
seperti MARA, UDA, Lembaga Urusan dan  
Tabung Haji, Kompleks Kewangan, dan  
juga Perbadanan-Perbadanan Kemajuan  
Ekonomi Negeri, adalah bertujuan bagi  
menolong umat Islam, mencapai kemajuan  
ekonomi yang lebih tinggi lagi.

#### 14. Pelaksanaan Rancangan Malaysia

Kedua, dan sekarang ini Rancangan Malaysia  
Ketiga, yang berasaskan Dasar Ekonomi  
Baru, adalah bertujuan membasmi kemiskinan  
di kalangan rakyat berbilang kaum, serta  
menyusun semula masyarakat, bagi mewujudkan  
sebuah masyarakat Malaysia yang lebih adil  
dan saksama. Umat Islam adalah diseru  
supaya mengambil peluang, serta menggunakan  
kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh  
Kerajaan, bagi mencapai matalamat ini.  
Mereka hendaklah menyertai sepenuhnya

segala usaha dan rancangan pembangunan Kerajaan.

15. Penubuhan maktab-maktab dan lain-lain institusi-institusi pelajaran tinggi, seperti Institut Teknologi MARA, Maktab-maktab Rendah Sains, serta Universiti Kebangsaan dan beberapa Universiti yang lain juga, adalah bertujuan membantu umat Islam, mempunyai peluang-peluang yang lebih banyak dalam bidang pelajaran. Disamping menyediakan biasiswa-biasiswa, bagi

membolehkan pelajar-pelajar kita melanjutkan pengajian mereka di Universiti-universiti luar negeri, Kerajaan juga menghantar pelajar-pelajar kita ke negara-negara Islam, seperti Arab Saudi, Bangladesh, Egypt, Iran, Iraq, Pakistan dan Turkey. Mereka ini, bukan sahaja mengikuti kursus-kursus pengajian ugama Islam, bahkan kebanyakannya, melanjutkan pengajian mereka dalam bidang-bidang kedoktoran, kejuruteraan dan lain-lain bidang sains dan teknologi. Ramai juga bilangan lulusan Universiti

negara Islam, yang telah pergi ke luar negeri secara bersendirian, dan yang sekarang ini telah pulang ke tanah air, telah di beri kedudukan yang wajar dan sama tarafnya dengan ~~ke~~lulusan dari pusat-pusat pengajian tinggi luar negeri yang lain.

16. Mereka ini, sedang berkhidmat dalam berbagai Jabatan dan Pusat Pengajian tinggi, sebagai pegawai agama, pensyarah, penasihat agama dan sebagainya. Mereka diberi peranan yang sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan

yang lain, untuk melaksanakan dasar dan rancangan Kerajaan, bagi meningkatkan lagi ekonomi umat Islam di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Memang tidak boleh dinafikan, bahawa ramai juga orang Islam, yang telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan, perindustrian dan perusahaan pertanian, yang telah mencapai kejayaan. Dengan dayausaha mereka sendiri, dan dengan bantuan Kerajaan, serta kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, dan dengan

berkat Allah Subhanahu Wataala, mereka ini, telah memperolehi keuntungan, kemewahan dan kekayaan.

18. Kepada golongan ini, dan lain-lain bijak-pandai Islam di tanah air kita, yang telah mencapai keadaan hidup yang makmur, saya menyeru/<sup>mereka</sup>supaya menunaikan tanggungjawab dan kewajipan mereka. Mereka hendaklah bersama-sama membantu Kerajaan, dalam usahanya memaju dan meningkatkan lagi kemajuan masyarakat Islam di tanah air kita.

19. Inilah sebaik-baik langkah bagi  
mempastikan, supaya segala dasar dan  
rancangan Kerajaan, yang bertujuan memajukan  
masyarakat Islam, dan meningkatkan lagi  
ekonomi umat Islam, dapat dijayakan  
sepenuhnya. Sesungguhnya, Ugama Islam  
tidak menyekat umatnya berusaha mencari  
kemajuan dan kekayaan. Allah Subhanahu  
Wataala membenarkan manusia memiliki  
seberapa banyak harta-benda yang dikehendaki,  
asalkan caranya mestilah menurut jalan  
yang diredhai ALLAH, seperti firmanNYA

dalam surah Al-Baqarah, ayat 188 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan harta orang lain, dengan cara yang batal iaitu haram."

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

20. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa Islam menggalakkan umatnya berusaha mencari kemajuan dunia, asalkan mereka tidak mengabaikan kewajipan mereka kepada

perintah Allah. Mereka juga diwajibkan  
menunaikan segala tanggungjawab mereka  
kepada bangsa dan negara, serta patuh  
kepada peraturan-peraturan yang diwujudkan  
oleh Kerajaan negara yang mereka mastautini.

21. Tanggungjawab mengekalkan keamanan  
dan kesetabilan masyarakat dan negara,  
bukan sahaja dibebankan oleh Islam ke atas  
bahu pemimpinnya. Seluruh rakyat jelata,  
hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab  
dan kewajipan ini. Oleh itu, umat Islam

hendaklah menunjukkan contoh tauladan yang baik, terutama dalam membantu usaha Kerajaan, memelihara keamanan, dan mengekalkan perpaduan dan persefahaman, di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

22. Akhirnya, saya sukalah menyeru seluruh umat Islam di tanah air, supaya sentiasa insaf kepada dirinya, kaumnya dan negaranya. Ikutlah majlis membaca Al-Quran dalam enam malam yang akan datang ini, dengan teliti dan dengan penuh perasaan taqwa. Mudah-mudahan perbuatan kita itu,

akan diberkati Allah, dan dikurniakan  
 olehNYA dengan sepenuh-penuh keuntungan,  
 pahala dan faedah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

23. Dengan pesanan ini, maka saya dengan

nama Allah yang maha pemurah, lagi amat

*me-nga-sih-ti*  
 mengasihi, mengisytiharkan Musabaqah

Membaca Al-Quran Tahun Hijrah 1398 dan

Tahun Masehi 1978, Peringkat Kebangsaan ini,

dibuka dengan resminya.

Wabillahit-taufiq, Wassalamu 'alaikum,  
 warahmatullahi Wabarakatuh.

\*\*\*\*\*



No Siri	394
No Penerimaan	33/81